Register your product and get support at

www.philips.com/welcome

BDP9600

PHILIPS

Daftar kandungan

1 Penting

Notis keselamatan penting

⚠️ **Amaran**

- Risiko pemanasan melampau! Jangan pasang produk dalam ruang yang terhad. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada produk tersebut.
- Jangan sekali-kali letakkan produk, kawalan jauh atau bateri berhampiran dengan api terbuka atau sumber haba yang lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Hanya gunakan produk ini di dalam bangunan. Jauhkan produk ini daripada air, kelembapan dan objek yang berisi cecair.
- Jangan letak produk ini di atas kelengkapan elektrik yang lain.
- Jauhkan diri anda daripada produk ini semasa ribut kilat.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Sinaran laser boleh nampak dan tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.
- Produk ini dengan binaan Kelas I akan disambungkan dengan saluran keluar Soket utama dengan sambungan pembumian pelindung.

Amaran kesihatan pada tontonan 3D

- Jika anda atau keluarga anda mempunyai sejarah mengalami epilepsi atau sawan fotosensitif, jumpalah doktor sebelum mendedahkan diri anda kepada sumber cahaya berkelip, jujukan imej deras atau tontonan 3D.
- Untuk mengelakkan ketidakselesaan seperti pening, sakit kepala atau disorientasi, kami mengesyorkan agar anda tidak menonton 3D dalam tempoh masa yang panjang. Jika anda mengalami sebarang ketidakselesaan, hentikan menonton 3D dan jangan dengan serta merta melakukan perkara yang mungkin berbahaya (seperti memandu kereta) sehingga gejala telah hilang. Jika gejala berterusan, jangan teruskan menonton 3D tanpa merujuk kepada doktor terlebih dahulu.
- Ibu bapa hendaklah mengawasi anak mereka ketika menonton 3D dan memastikan mereka tidak mengalami ketidakselesaan seperti yang disebutkan di atas. Menonton 3D tidak disyorkan bagi kanak-kanak di bawah umur 6 tahun kerana sistem penglihatan mereka masih belum lagi berkembang dengan sempurna.

CLASS 1
LASER PRODUCT

Pembuangan produk dan bateri lama

Produk anda direka bentuk dan dkilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.

Jangan buang produk anda dengan buangan isi rumah yang lain. Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan produk elektrik dan elektronik dan bateri. Pembuangan produk ini dengan cara yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia. Produk anda mengandungi bateri, yang tidak boleh dibuang bersama buangan isi rumah yang biasa. Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan bateri. Cara membuang bateri yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Sila lawati www.recycle.philips.com untuk maklumat tambahan mengenai pusat kitaran semula di kawasan anda.

Notis hak cipta

Be responsible
Respect copyrights

Produk ini mengandungi teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh paten A.S. dan hak harta intelek lain Rovi Corporation. Kejuruteraan undur dan penyahhimpunan adalah dilarang.

Perisian sumber terbuka

Philips Electronics Singapore Pte Ltd dengan ini menawarkan untuk menghantar, apabila diminta, salinan kod sumber lengkap yang sepadan bagi pakej perisian sumber terbuka berhak cipta yang baginya tawaran seumpama ini diminta oleh lesen yang berkaitan.

Tawaran ini sah sehingga tiga tahun selepas pembelian produk kepada sesiapa yang menerima maklumat ini. Untuk mendapatkan kod sumber, sila hubungi open.source@philips.com. Jika anda lebih suka untuk tidak menggunakan e-mel atau jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan dalam masa seminggu selepas menulis ke alamat e-mel ini, sila hantar surat kepada ''Open Source Team, Philips Intellectual Property & Standards, P.O. Box 220, 5600 AE Eindhoven, The Netherlands.'' Jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan surat anda pada masa yang sepatutnya, sila hantar e-mel ke alamat e-mel di atas.

Notis tanda dagangan

'Blu-ray', 'Blu-ray Disc', logo 'Blu-ray Disc', 'Blu-ray 3D' dan logo 'Blu-ray 3D' adalah tanda dagangan Blu-ray Disc Association.

''Qdeo'' dan ''QuiteVideo'' adalah tanda dagangan Marvell atau ahli gabungannya.

HDMI, dan logo HDMI dan High-Definition Multimedia Interface adalah tanda niaga atau tanda niaga berdaftar HDMI licensing LLC.

DLNA®, logo DLNA dan DLNA CERTIFIED™ adalah tanda dagangan, tanda perkhidmatan, atau tanda perakuan Digital Living Network Alliance.

Logo Wi-Fi CERTIFIED adalah tanda perakuan Wi-Fi Alliance.

Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.

Master Audio Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. # Paten: 5,451,942; 5,956,674; 5,974,380;

5,978,762; 6,226,616; 6,487,535; 7,212,872; 7,333,929; 7,392,195; 7,272,567 & paten A.S. dan seluruh dunia yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS dan Simbolnya adalah tanda dagangan berdaftar, & DTS-HD, DTS-HD Master Audio, dan logo DTS adalah tanda dagangan DTS, Inc. Produk adalah termasuk perisian. © DTS, Inc. Semua Hak Terpelihara.

MENGENAI DIVX VIDEO: DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, Inc. Ini adalah peranti DivX Certified® rasmi yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.

MENGENAI VIDEO ATAS PERMINTAAN DIVX: Peranti DivX Certified® ini mestilah didaftarkan sebelum ia dapat memainkan filem Video atas Permintaan (VOD) DivX. Untuk mendapatkan kod pendaftaran anda, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara menyelesaikan pendaftaran anda.

DivX®, DivX Certified®, DivX Plus™ HD dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan berdaftar DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.

BONUSVIEW™

'BD LIVE' dan 'BONUSVIEW' adalah tanda dagangan Persatuan Blu-ray Disc.

Logo USB-IF adalah tanda dagangan Universal Serial Bus Implementers Forum, Inc.

'DVD Video' adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.

Java dan semua tanda dagangan serta logo Java yang lain adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Sun Microsystems, Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.

2 Pemain cakera Blu-ray anda

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapat faedah sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips (seperti peningkatan perisian produk), daftarkan produk anda di www.philips.com/welcome.

Jika anda menghubungi Phillips, anda akan diminta untuk memberikan nombor model dan nombor siri pemain ini. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang pemain ini. Tulis nombor tersebut di sini:

No. Model _____

No. Siri _____

Sorotan penting ciri

Agar pemain ini sentiasa berprestasi optimum, anda disyorkan agar mengemas kini perisian pemain ini dengan berkala.

Pemprosesan video Qdeo bagi wayang gambar dalam bentuk yang paling tulen.

Pemprosesan video Qdeo menghasilkan imej dengan kurang hingar, warna yang dipertingkatkan, kontras yang diperbaiki, perincian halus dan rasa dipertingkat bagi kedalaman, yang menghasilkan pengalaman tontonan yang tenang, menyenangkan dan mengasyikkan.

Mainan cakera 3D Blu-ray

Pemain ini dapat memainkan cakera 3D Blu-ray dan ia menyediakan pengalaman HD 3D penuh di rumah. Sambungkan pemain anda kepada TV patuh 3D menggunakan kabel HDMI, dan pakai kaca mata 3D yang serasi dengan TV untuk menikmati keterujaan alam 3D.

Net TV

Net TV membawakan kepada anda berbagai maklumat dan hiburan dalam talian pada TV anda yang bersambung dengan pemain ini. Dengan Net TV anda dapat menikmati antara laman web terbaik yang disesuaikan untuk muat pada TV anda.

DLNA

Pemain Philips ini mempunyai pautan rangkaian DLNA terbina dalam untuk membolehkan anda menonton video, melihat foto dan mendengar muzik terus daripada PC anda. Produk diperakui DLNA menawarkan keupayaan diperluaskan yang membolehkannya memainkan bukan satu tetapi berbilang peranan dalam rangkaian rumah digital anda.

DivX Plus HD

Pemain ini adalah peranti Diperakui DivX Plus HD. Ia memainkan semua video DivX termasuk fail video DivX Plus HD (video H.264 dengan sambungan fail .mkv dan audio AAC) sehingga 1080p dan kandungan Hollywood premium.

Bunyi surround saluran 7.1 fideliti tinggi

Pemain ini menyokong audio definisi tinggi seperti Dolby TrueHD dan DTS-HD Master Audio.

Media boleh main

Pemain ini boleh memainkan:
- BD-Video, BD-R/RE2.0, BD 3D
- DVD, DVD-Video, DVD+R/+RW, DVD-R/-RW, DVD+R/-R DL (Dual Layer)
- CD Video/SVCD
- CD audio, CD-R/CD-RW, media MP3, media WMA, fail JPEG
- Media DivX (Ultra)/DivX Plus HD, media MKV
- Pemacu flash USB

Kod rantau

Anda boleh memainkan cakera yang mempunyai kod rantau berikut.

Kod rantau		Negara
DVD	Blu-ray	
		Asia Pasifik, Taiwan, Korea

Gambaran keseluruhan produk

Unit utama

① ⏻
- Hidupkan pemain ini atau bertukar kepada mod siap sedia.

② **Panel paparan**

c) Sensor IR
- Mengesan isyarat daripada kawalan jauh. Setiap kali halakan kawalan jauh ke arah sensor IR.

d) Kompartmen cakera

e) ▲
- Buka atau tutup petak cakera.

f) ►
- Mula atau sambung semula main

g) ‖
- Jedakan main.

h) ⟵ bicu
- Sambungkan peranti USB.

Kawalan jauh

a) ⏻
- Hidupkan pemain ini atau bertukar kepada mod siap sedia.

- Apabila EasyLink didayakan, tekan dan tahan selama sekurang-kurangnya tiga saat untuk mengalihkan semua peranti yang mematuhi HDMI CEC yang bersambung ke siap sedia.

b) ⌂
- Akses menu utama pemain ini.

c) DISC/POP-UP
- **BD**: Akses atau keluar daripada menu pop timbul.
- **DVD**: Akses atau keluar daripada menu cakera.

d) ▮ / ▮ / ⟵ / ⟶
- Navigasi menerusi menu.

e) ◄/►
- Melangkau ke tajuk, bab atau trek sebelum atau seterusnya.

f) ▤
- Akses pilihan untuk aktiviti atau pemilihan semasa.

g) ↺
- Kembali ke menu paparan sebelumnya.

h) ◄◄/►►
- Cari ke belakang atau ke hadapan.

i) ■
- Hentikan main.
- Tekan dan tahan untuk buka/tutup tempat letak cakera.

j) Butang berwarna
- **BD**: Pilih tugas atau opsyen.

k) Butang abjad angka
- Pilih item untuk dimainkan.
- Masukkan nilai.
- Masukkan huruf melalui masukan gaya SMS.

l) AUDIO
- Pilih bahasa atau saluran audio pada cakera.

m) SUBTITLE
- Pilih bahasa sari kata pada cakera.

n) ►
- Mula atau sambung semula main

o) ‖
- Jedakan main.
- Gerakkan gambar yang dijedakan ke hadapan bingkai demi bingkai.

p) TOP MENU
- **BD**: Paparkan menu atas.
- **DVD**: Paparkan menu tajuk.

q) OK
- Sahkan entri atau pemilihan.

3 Sambungkan

Lakukan sambungan berikut untuk menggunakan pemain ini.

Sambungan asas:
* Video
* Audio
* Kuasa

Sambungan pilihan:
* Halakan audio ke peranti lain
    * Penerima/penguat AV yang patuh HDMI
    * Penerima/penguat AV berbilang saluran
    * Penerima/penguat AV digital
    * Sistem stereo analog
* Peranti USB
* Rangkaian Berwayar/Tanpa Wayar

---

Catatan

* Rujuk pada plat jenis pada bahagian belakang produk untuk pengenalpastian dan perkadaran pembekalan.
* Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah diputuskan sambungan daripada alur keluar kuasa.

Sambungkan kabel video/audio

Pilih sambungan video terbaik yang boleh disokong oleh TV.

* **Pilihan 1:** Sambungkan ke bicu HDMI (untuk TV akur HDMI, DVI atau HDCP).
* **Pilihan 2**: Sambungkan ke bicu video komponen (bagi TV biasa atau TV Imbas Progresif).
* **Pilihan 3**: Sambungkan ke bicu video komposit (bagi TV biasa).

Pilihan 1: Sambungkan ke bicu HDMI

1 Sambungkan kabel HDMI (tidak dibekalkan) ke:
    * bicu **HDMI** pada pemain ini.
    * bicu input HDMI pada TV.

Petua

* Jika TV mempunyai hanya penyambung DVI, sambungkan melalui penyesuai HDMI/DVI. Sambungkan kabel audio untuk output bunyi.
* Jika terdapat skrin TV kosong di bawah sambungan HDMI, pada unit kawalan jauh tekan ♠ dan kemudian tekan "731" (butang angka) untuk memulihkan paparan gambar.
* Jika pemain ini menyambung kepada TV yang serasi dengan 1080p atau 1080p/24Hz, Philips mengesyorkan kabel kategori 2 HDMI, yang juga dikenali sebagai kabel HDMI Halaju Tinggi, untuk output video dan audio yang optimum.
* Untuk memainkan imej video digital bagi video BD atau video DVD melalui sambungan HDMI, kedua-dua pemain dan peranti paparan ini (atau penerima/amplifier AV) hendaklah menyokong sistem perlindungan hak cipta yang dipanggil HDCP (sistem perlindungan kandungan digital jalur lebar yang tinggi).
* Sambungan ini menyediakan kualiti gambar terbaik.

Pilihan 2: Sambungkan ke bicu video komponen


1 Sambungkan kabel video komponen (tidak dibekalkan) kepada:
    * bicu **Y Pb/Cb Pr/Cr** pada pemain ini.
    * bicu input VIDEO KOMPONEN pada TV.
2 Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) kepada:
    * bicu **Audio LINE OUT** -**L/R** pada pemain ini.
    * bicu input AUDIO pada TV.

Petua

* Bicu input video komponen pada TV mungkin dilabelkan sebagai Y Pb Pr atau YUV.

Pilihan 3: Sambungkan ke bicu video komposit

1   Sambungkan kabel video komposit (tidak dibekalkan) kepada:
    - bicu **VIDEO** pada pemain ini.
    - bicu input VIDEO pada TV.
2   Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) kepada:
    - bicu **Audio LINE OUT** -**L/R** pada pemain ini.
    - bicu input AUDIO pada TV.

✳ Petua

- Bicu input video pada TV mungkin dilabelkan sebagai A/V IN, VIDEO IN, COMPOSITE atau BASEBAND.

Halakan audio ke peranti lain

Anda boleh menghalakan audio daripada pemain ini kepada peranti lain.

Sambung kepada penerima/penguat AV yang patuh HDMI

1   Sambungkan kabel HDMI (tidak dibekalkan) ke:
    - bicu **HDMI** pada pemain ini.
    - bicu input bicu HDMI pada peranti.

✳ Petua

- Sambungan HDMI menyediakan kualiti audio terbaik.

Sambung kepada penerima/penguat AV berbilang saluran

1   Sambungkan kabel audio saluran 7.1 (tidak dibekalkan) kepada:
    - bicu **7.1 CH AUDIO OUTPUT** pada pemain ini.
    - bicu input AUDIO yang sepadan pada peranti.

✳ Petua

- Untuk menyambungkan penerima/penguat AV 5.1 saluran, sambungkan bicu audio saluran 7.1 kecuali bicu **SL/SR** .
- Anda boleh mengoptimumkan output pembesar suara (lihat "Laraskan tetapan" >**[Audio]**> **[Persediaan Pembesar Suara]**).

Sambung kepada penguat/penerima AV digital

Sambungkan ke bicu sepaksi

1 Sambungkan kabel sepaksi (tidak dibekalkan) ke:
- bicu **COAXIAL** pada pemain ini.
- bicu input SEPAKSI/DIGITAL pada peranti.

Sambungkan ke bicu optik

1 Sambungkan kabel optik (tidak dibekalkan) kepada:
- bicu **OPTICAL** pada pemain ini.
- bicu input OPTIK/DIGITAL pada peranti.

Sambungkan sistem stereo analog

1 Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) kepada:
- bicu **Audio LINE OUT-L/R pada pemain ini.**
- bicu input AUDIO pada peranti.

Sambungkan peranti USB

1 Sambung peranti USB ke bicu •⟵→ (**USB**) pada panel hadapan pemain ini.

📑 Catatan

- Tekan 🏠, dan pilih **[Semak Imbas USB]** dalam menu untuk mengakses kandungan dan memainkan fail.
- Sambung peranti USB hanya ke bicu •⟵→ pada pemain ini.
- Philips tidak menjamin keserasian dengan semua peranti USB.

Sambungkan rangkaian

Dengan sambungan berwayar atau wayarles (lihat "Bermula" > "Sediakan rangkaian"), anda boleh menyambung pemain ini kepada:
- Internet (untuk kemas kini perisian/BD Live/perkhidmatan Net TV).
- atau rangkaian rumah (untuk mengakses fail media daripada pelayan media DLNA, seperti PC).

📑 Catatan

- Akses Internet kepada tapak web Philips untuk kemas kinian perisian mungkin tidak dibenarkan, bergantung kepada penghala yang anda gunakan atau dasar Pembekal Perkhidmatan Internet. Hubungi Pembekal Perkhidmatan Internet anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sambungkan kuasa

⚠️ Awas

- Risiko kerosakan pemain! Pastikan voltan bekalan kuasa sepadan dengan voltan yang dicetak pada bahagian belakang unit.
- Sebelum menyambungkan kord kuasa AC, pastikan anda telah melengkapkan semua sambungan lain.

📑 Catatan

- Plat jenis terletak pada bahagian belakang pemain.

1 Sambungkan kabel kuasa AC ke:
- pemain ini.
- soket dinding.
- ↳ Pemain ini sedia untuk disediakan untuk penggunaan.

4 Mulakan

> **! Awas**
>
> • Penggunaan kawalan atau pelarasan atau prestasi prosedur selain daripada yang terdapat di sini boleh menyebabkan dedahan sinaran yang berbahaya atau pengendalian lain yang tidak selamat.

Sentiasa ikuti arahan dalam bab ini mengikut urutan.

Sediakan kawalan jauh

1 Tekan ▼ pada bahagian belakang unit kawalan jauh untuk membuka penutup belakangnya.

2 Masukkan dua bateri AAA dengan kutub (+/-) yang betul sebagaimana yang ditunjukkan.
3 Pasangkan kembali penutup belakang.

> **Catatan**
>
> • Jika anda tidak akan menggunakan kawalan jauh dalam tempoh masa yang panjang, keluarkan bateri.
> • Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
> • Bateri mengandungi bahan kimia, maka, ia harus dilupuskan dengan betul.

Cari input TV

1 Tekan Φ untuk menghidupkan pemain ini.
2 Hidupkan TV dan tukar kepada input video (rujuk manual pengguna TV mengenai cara untuk memilih input A/V).

Penggunaan kali pertama:

Apabila anda menghidupkan pemain ini pada pertama kali atau jika pemain ini ditetapkan semula kepada tetapan lalai, anda akan digesa untuk memilih bahasa paparan menu dan kemudian negara.

Gunakan menu Laman utama

1 Tekan ♠ untuk memaparkan menu laman utama.
   • Untuk mula memainkan cakera, pilih **[mainkan cakera]**.
   • Untuk memainkan kandungan USB, pilih **[Semak Imbas USB]**.
   • Untuk mengakses menu persediaan, pilih **[Persediaan]**.
   • Untuk mengakses fail media daripada pelayan media DLNA (seperti PC), pilih **[Layari PC]**.
   • Untuk mengakses perkhidmatan Net TV di Internet, pilih **[Layari Net TV]**.

Navigasi pada menu

1 Apabila menu dipaparkan, tekan butang pada kawalan jauh untuk menavigasi.

Butang	Tindakan
▮ / ▮	Gerak ke atas atau bawah.
◂ / ▸	Gerak ke kiri atau kanan.
OK	Sahkan pemilihan.
(keypad)	Masukkan angka/huruf/teks.

Pilih bahasa paparan menu

> **Catatan**
>
> • Jika pemain ini disambungkan kepada TV yang mematuhi HDMI CEC, dan anda memilih **[Auto]** bagi **[Bahasa menu]**, ia akan beralih kepada bahasa paparan menu yang sama secara automatik seperti pada tetapan TV anda.

1 Dalam menu Laman utama, pilih **[Persediaan]** dan tekan **OK**.
2 Pilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan ▸.
3 Pilih **[Bahasa menu]**, kemudian tekan ▸.

Video	Menu Language	Auto(ENG)
Audio	Audio	English
	Subtitle	Čeština
Network	Disc Menu	Dansk
EasyLink	Parental Control	Deutsch
	Screen Saver	Español
Preference	Auto Subtitle Shift	Français
Advanced	Change Password	Italiano

- Pilihan bahasa mungkin berbeza dari rantau berbeza.

4 Tekan ▮ / ▮ untuk memilih bahasa, kemudian tekan **OK**.

Sediakan rangkaian

Anda boleh menyambungkan pemain ini kepada Internet (untuk kemas kini perisian/BD Live/ perkhidmatan Net TV), atau kepada rangkaian rumah (untuk mengakses media daripada pelayan media DLNA, seperti PC).

Untuk mengakses fail media daripada PC anda, anda hendaklah memastikan bahawa:
- perisian pelayan media (seperti Windows Media Player 11) telah dipasang pada PC anda;
- dan perisian pelayan media dikonfigurasi untuk mendayakan perkongsian media (Lihat dokumentasi "Bantuan" daripada perisian pelayan media).

Sediakan rangkaian berwayar

Catatan

- Pastikan bahawa kabel rangkaian disambung dengan betul.

1 Sambung kabel rangkaian (tidak dibekalkan) ke:
- port **LAN** pada pemain ini.
- port LAN pada penghala dengan sambungan Internet.

2 Untuk mengakses fail media daripada komputer anda, sambung komputer kepada penghala.

3 Hidupkan pemain ini, komputer dan penghala.

Petua

- Rangkaian berwayar menjamin prestasi terbaik bagi penghantaran data antara peranti.

Sediakan rangkaian wayarles

Catatan

- Pastikan pemain ini dan penghala dan PC semuanya telah dihidupkan.

Petua

- Prestasi wayarles berbeza-beza disebabkan oleh sambungan lebar jalur, lalu lintas pada sambungan, dan beberapa kesan persekitaran, seperti dikelilingi oleh panel logam atau konkrit berat, gangguan radio dan jarak liputan.

Pasang sambungan rangkaian

Pada kali pertama anda menyambungkan rangkaian, pasang sambungan rangkaian.

1 Sediakan rangkaian berwayar atau wayarles.
2 Tekan ♠ untuk memaparkan menu laman utama.
3 Pilih **[Persediaan]** dan tekan **OK**.
4 Pilih **[Rangkaian]**, kemudian tekan **OK**.
5 Pilih **[Pemasangan Rangkaian]**, kemudian tekan **OK**.

Video	Network Installation	●
Audio	View Network Settings	●
	View Wireless Settings	●
Network	Net TV User Location	●
EasyLink	Clear Net TV Memory	●
Preference		
Advanced		

6 Ikut arahan pada skrin untuk melengkapkan pemasangan rangkaian.
   » Selepas selesainya pemasangan rangkaian, anda boleh mengakses perkhidmatan: semak imbas Net TV, semak imbas PC, BD-Live, kemas kinian perisian.

✳ **Petua**

* Anda boleh memeriksa status sambungan berwayar atau wayarles pemain ini (lihat "Laraskan tetapan" > "Persediaan Rangkaian" > **[Lihat Tetapan Rangkaian]** atau **[Lihat Tetapan Wayarles]**).

Gunakan Pautan Mudah Philips

Pemain ini menyokong EasyLink Philips, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Anda boleh menggunakan satu kawalan jauh tunggal untuk mengawal peranti yang mematuhi EasyLink yang disambungkan melalui penyambung HDMI.

≡ **Catatan**

* Untuk mendayakan ciri EasyLink, anda mesti menghidupkan operasi HDMI CEC pada TV dan pada peranti lain yang disambungkan pada TV. Rujuk kepada manual TV/peranti untuk butiran.

Mainan satu sentuhan

1 Tekan ⏻ (siap sedia) untuk menghidupkan pemain ini.
   » TV (jika ia menyokong mainan satu sentuhan) akan hidup dan bertukar kepada saluran video masuk yang betul secara automatik.
   » Jika cakera telah dimuatkan, mainan cakera akan bermula secara automatik.

Siap sedia satu sentuhan

1 Tekan dan tahan ⏻ (siap sedia) selama lebih daripada 3 saat.
   » Semua peranti yang disambungkan (jika peranti menyokong siap sedia satu sentuhan) berrtukar ke siap sedia secara automatik.

≡ **Catatan**

* Philips tidak menjamin kesalingfungsian dengan semua peranti HDMI CEC.

5 Main

Mainkan cakera

> **!** **Awas**
>
> - Jangan masukkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam slot cakera.

1. Tekan ▲ pada panel depan untuk membuka petak cakera.
   - Anda juga boleh menekan dan menahan ■ pada alat kawalan jauh untuk membuka/menutup petak cakera.
2. Masukkan cakera dengan labelnya menghadap ke atas.
3. Mulakan mainan cakera.
   - Untuk menghentikan mainan cakera, tekan ■.

> **≡** **Catatan**
>
> - Semak format cakera/fail yang disokong (lihat "Pemain cakera Blu-ray anda" > "Media Boleh Main").
> - Jika menu masukan kata laluan dipaparkan, masukkan kata laluan sebelum anda dapat memainkan cakera yang dikunci atau disekat (lihat "Laraskan tetapan" > 'Persediaan Keutamaan' > **[Kawalan Ibubapa]**).
> - Jika anda menjedakan atau menghentikan cakera, gambar skrin muncul setelah 10 minit tiada aktiviti. Untuk menyahaktifkan gambar skrin, tekan sebarang butang.
> - Setelah anda menjeda atau menghentikan cakera dan tiada butang ditekan dalam masa 30 minit, pemain ini akan bertukar ke mod siap sedia secara automatik.

Main dari peranti USB

Mainkan atau lihat fail media pada peranti USB berikut:
- pemacu denyar
- pembaca kad memori
- HDD (Pemain ini hanya dapat mengesan pemacu cakera keras mudah alih dengan arus puncak kuasa USB yang tidak lebih daripada 500mA.)

1. Sambungkan peranti USB ke bicu ⟍←(**USB**).
2. Tekan ♠, dan pilih **[Semak Imbas USB]**, kemudian tekan **OK**.
   - ↳ Menu kandungan dipaparkan.
3. Pilih fail untuk dimainkan, kemudian tekan **OK**.
   - ↳ Mainan bermula (lihat "Mainkan video", "Mainkan foto", "Mainkan muzik" untuk butiran).
   - Untuk menghentikan mainan, tekan ■ atau keluarkan peranti USB.

> **≡** **Catatan**
>
> - Philips tidak menjamin keserasian dengan semua peranti USB.
> - Tidak semua kamera digital disokong. Kamera digital yang memerlukan pemasangan program PC adalah tidak disokong.

Mainkan video

Kawal mainan video

1. Mainkan tajuk.
2. Gunakan kawalan jauh untuk mengawal mainan.

Butang	Tindakan
▌▌	Jedakan main. • Tekan berulang kali ▌▌ untuk main perlahan ke hadapan bingkai demi bingkai.
▶	Mula atau sambung semula main
■	Hentikan main.
▎◀/▶▎	Langkau ke tajuk atau bab sebelumnya/ seterusnya.
◀◀/▶▶	Cari ke hadapan cepat atau ke belakang cepat. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. • Tekan sekali ▌▌, dan kemudian tekan berulang kali ◀◀/▶▶ untuk memainkan perlahan ke belakang atau ke hadapan.

> **≡** **Catatan**
>
> - Bagi cakera BD dengan aplikasi Java, ketersediaan fungsi sambung main bergantung kepada cakera tertentu.

Tukar mainan video

1 Mainkan tajuk.

2 Gunakan kawalan jauh untuk menukar mainan.

| Butang	Tindakan
AUDIO	Terus pilih bahasa atau saluran audio pada cakera.
SUBTITLE	Terus pilih bahasa sari kata pada cakera.
▤	Akses tindakan di atas atau lebih banyak pilihan lain (seperti mod main ulang atau kocok).

📝 **Catatan**

- Sesetengah operasi mungkin tidak berfungsi dengan sesetengah cakera. Lihat maklumat yang dibekalkan bersama cakera untuk mendapatkan butiran.

Menu paparan

Cakera video BD

- **TOP MENU** menghentikan mainan video dan menunjukkan menu cakera. Ciri ini bergantung kepada cakera.
- **POP-UP MENU** mengakses menu cakera video BD tanpa mengganggu mainan cakera.

Cakera video DVD

- **TOP MENU** memaparkan menu asas bagi cakera.
- **DISC MENU** memaparkan maklumat cakera dan memandu anda melalui fungsi yang tersedia dalam cakera.

Cakera VCD/SVCD/DivX:

- **DISC MENU** memaparkan kandungan cakera.

✳️ **Petua**

- Jika tetapan PBC dimatikan, VCD/SVCD melangkau menu dan mula bermain daripada tajuk pertama. Untuk memaparkan menu sebelum dimainkan, hidupkan tetapan PBC (lihat bab 'Laraskan tetapan' - **[Keutamaan]** > **[VCD PBC]**).

Paparkan maklumat mainan.

1 Semasa mainan, tekan ▤.
   ↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.

2 Pilih **[Maklumat]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.
   ↳ Status semasa mainan cakera dipaparkan.

Pilih tajuk/bab.

1 Semasa mainan, tekan ▤.
   ↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.

2 Pilih **[Tajuk]** atau **[Bab]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.

3 Pilih tajuk atau nombor bab, kemudian tekan **OK**.

Langkau mainan ke masa tertentu

1 Semasa mainan, tekan ▤.
   ↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.

2 Pilih **[Carian Masa]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.

3 Tekan **butang Navigasi** (▮ / ▮) untuk menukar kepada masa yang hendak dilangkau padanya, dan tekan **OK**.

Zum masuk/keluar

1 Semasa mainan, tekan ▤.
   ↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.

2 Pilih **[Zum]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.

3 Tekan **butang Navigasi** (◂/▸)untuk memilih faktor zum, kemudian tekan **OK**.

4 Tekan **butang Navigasi** untuk menavigasi dalam gambar yang dizum.
   - Untuk membatalkan mod zum, tekan ⤺ untuk memaparkan bar faktor zum, dan tekan **butang Navigasi** (◂/▸) sehingga faktor zum [×1] dipilih.

Ulangkan mainan untuk bahagian tertentu

1 Semasa mainan, tekan ▤.
   ↳ Menu pilihan mainan dipaparkan.

2 Pilih **[Ulang A-B]** dalam menu, kemudian tekan **OK** untuk menetapkan titik mula.

3 Majukan mainan video, kemudian tekan **OK** untuk menetapkan titik akhir.
   ↳ Mainan ulangan bermula.
   - Untuk membatalkan mod main ulang, tekan ▤, dan pilih **[Ulang A-B]** kemudian tekan **OK**.

📝 **Catatan**

- Bahagian yang bertanda untuk mainan ulangan hanya boleh dilakukan di dalam trek/tajuk.

Bahasa Melayu

Lihat mainan video daripada sudut kamera yang berlainan

1   Semasa mainan, tekan ▤.
    » Menu pilihan mainan dipaparkan.

2   Pilih **[Senarai Sudut]** dalam menu, kemudian tekan ►.

3   Pilih pilihan sudut, kemudian tekan **OK**.
    » Mainkan perubahan kepada sudut yang dipilih.

📋 Catatan

• Diguna pakai hanya pada cakera yang mengandungi pemandangan berbilang sudut.

Alih secara manual paparan sari kata

Anda boleh melaraskan secara manual kedudukan sari kata pada skrin TV.

1   Semasa mainan, tekan ▤.
    » Menu pilihan mainan dipaparkan.

2   Pilih **[Anjak Sari Kata]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.

3   Tekan **butang Navigasi** (▲ / ▼) untuk mengalihkan sari kata, kemudian tekan **OK**.

✱ Petua

• Alihan sari kata tidak disokong untuk video DivX dengan sari kata luaran.

Segerakkan output audio dengan mainan video

Jika mainan video lebih perlahan daripada output audio (bunyi tidak sepadan dengan gambar), anda boleh menunda output audio supaya sepadan dengan video.

1   Semasa mainan, tekan ▤.
    » Menu pilihan mainan dipaparkan.

2   Pilih **[Penyelarasan Audio]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.
    » Bar gelangsar dipaparkan

3   Tekan **butang Navigasi** (◄ / ►) untuk memindahkan gelangsar sehingga bunyi sepadan dengan gambar.

Mainkan video BD

Video Blu-ray adalah cakera optik yang mempunyai kemampuan lebih besar dan menyokong ciri seperti video definisi tinggi, bunyi surround berbilang saluran, menu interaktif dan sebagainya.

1   Masukkan cakera video BD.

2   Tekan 🏠, pilih **[mainkan cakera]** dan tekan **OK**.

3   Mainan bermula secara automatik atau pilih pilihan mainan dalam menu dan tekan **OK**.
    • Semasa mainan, anda boleh menekan **TOP MENU** untuk memaparkan maklumat, ciri atau kandungan tambahan yang disimpan dalam cakera.
    • Sewaktu mainan, anda boleh menekan **POP-UP MENU** untuk memaparkan menu cakera tanpa mengganggu mainan cakera.

Nikmati video 3D Blu-ray

Pemain ini dapat memainkan video 3D Blu-ray.

1   Pastikan bahawa TV patuh 3D dan HDMI, dan sambungkan TV kepada pemain ini melalui kabel HDMI.

2   Hidupkan output 3D Blu-ray (lihat "Laraskan tetapan" > **[Video]** > **[Video 3D Blu-ray]**).

3   Pakai cermin mata 3D yang serasi dengan TV untuk menonton.

Nikmati BONUSVIEW

(Boleh digunakan hanya pada cakera yang serasi dengan BONUSVIEW atau ciri Gambar-dalamGambar.

Anda boleh serta-merta melihat kandungan tambahan (seperti komentar) dalam tetingkap skrin kecil.

1   Tekan ▤.
    » Menu pilihan mainan dipaparkan.

2   Pilih **[Pilihan PIP]** dalam menu, kemudian pilih **[PIP]**, dan tekan **OK**.
    » Tetingkap video yang kedua dihidupkan.

3   Pilih **[Bahasa Audio ke-2]** atau **[Bahasa Sari Kata ke-2]** dalam menu, kemudian tekan ►.

4   Pilih bahasa untuk dimainkan, kemudian tekan **OK**.

Nikmati BD-Live

(Boleh digunakan hanya pada cakera berdaya BD-Live. Pastikan bahawa pemain ini bersambung kepada Internet.)

Kandungan tambahan (seperti gazet filem, sari kata, dll.,) boleh dimuat turun ke peranti penyimpanan USB yang bersambung. Data video khas boleh dimainkan semasa ia dimuat turun.

Apabila cakera dengan BD-Live dimainkan, ID pemain atau cakera boleh dihantar kepada pembekal kandungan melalui internet.

Perkhidmatan bagi BD-Live berbeza dari cakera ke cakera.

Mainkan video DivX®

Video DivX adalah format media digital yang mengekalkan kualiti yang tinggi walaupun pada kadar pemampatan yang tinggi.

1 Masukkan cakera atau peranti USB yang mengandungi video DivX.

2 Tekan 🏠, pilih **[mainkan cakera]** atau **[Semak Imbas USB]**, kemudian tekan **OK**.
   » Menu kandungan dipaparkan.

3 Pilih folder video, kemudian tekan **OK**.

4 Pilih tajuk untuk dimainkan, kemudian tekan **OK**.

5 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal mainan.

Butang	Tindakan
AUDIO	Pilih bahasa atau saluran audio.
SUBTITLE	Pilih bahasa sari kata.
◼	Hentikan main.

Catatan

- Anda hanya boleh memainkan video DivX yang disewa atau yang dibeli dengan kod pendaftaran DivX pemain ini (lihat "Laraskan Tetapan" > **[Lanjutan]** > **[Kod VOD DivX®]**).
- Anda boleh memainkan fail video DivX sehingga 4GB.
- Pemain ini boleh memaparkan sehingga 45 aksara dalam sari kata.

Mainkan foto

Mainkan foto sebagai pertunjukan slaid

Anda boleh memainkan foto JPEG (fail dengan lanjutan .jpeg atau .jpg).

1 Masukkan cakera atau peranti USB yang mengandungi foto JPEG.

2 Tekan 🏠, pilih **[mainkan cakera]** atau **[Semak Imbas USB]**, kemudian tekan **OK**.
   » Menu kandungan dipaparkan.

3 Pilih folder foto, kemudian tekan **OK** untuk masuk.
   - Untuk memilih foto, tekan **butang Navigasi**.

4 Tekan **OK** untuk memulakan mainan pertunjukan slaid.

Catatan

- Masa yang lebih lama mungkin akan diambil untuk memaparkan kandungan cakera pada TV jika bilangan lagu/foto yang banyak dikumpulkan dalam satu cakera.
- Pemain ini hanya dapat memaparkan gambar kamera digital berformat JPEG-EXIF, yang biasanya digunakan oleh kebanyakan kamera digital. Ia tidak boleh memaparkan Motion JPEG atau gambar dalam format selain daripada JPEG, atau klip bunyi yang dikaitkan dengan gambar.
- Folder/fail yang melebihi had yang disokong oleh pemain ini tidak boleh dipapar atau dimainkan.

Kawal mainan foto

1 Mainkan pertunjukan slaid foto.
   - Tekan 🗗 untuk mengakses pilihan mainan, pilih pilihan, kemudian tekan **OK**.
   - Semasa mainan tayangan slaid, anda boleh juga menekan ↓ / ↑ untuk memutar foto secara mendatar/menegak.
   - Jika tayangan slaid berhenti, tekan ▶ untuk meneruskan mainan.

Tetapkan selang pertunjukan slaid dan animasi

1 Semasa mainan, tekan 🗗.
   » Menu pilihan mainan dipaparkan.

2 Pilih **[Tempoh setiap slaid]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.

3 Pilih tempoh, kemudian tekan **OK**.

4 Pilih **[Animasi Slaid]** dalam menu, kemudian tekan **OK**.

5 Pilih jenis kesan animasi, kemudian tekan **OK**.

Main pertunjukan slaid muzik

Buat pertunjukan slaid muzikal untuk memainkan fail muzik MP3/WMA dan fail foto JPEG dengan serentak.

Catatan

- Untuk membuat tayangan slaid muzikal, anda mesti menyimpan fail MP3/WMA dan JPEG pada cakera atau peranti USB yang sama.

1 Mainkan muzik MP3/WMA

2 Tekan ⤺ untuk kembali ke menu utama.

3 Navigasi untuk memasukkan folder foto, kemudian tekan **OK** untuk mula memainkan tayangan slaid.
   » Pertunjukan slaid bermula dan berterusan sehingga akhir folder foto.
   » Audio terus bermain sehingga akhir cakera.

- Untuk menghentikan mainan pertunjukan slaid, tekan ■.
- Untuk menghentikan mainan muzik, tekan ■ sekali lagi.

Mainkan muzik

Kawal trek

1 Mainkan trek.
2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal mainan.

Butang	Tindakan
❚❚	Jedakan main.
▶	Mula atau sambung semula main
■	Hentikan main.
◄◄/▶▶	Langkau ke trek sebelumnya/ seterusnya.
(butang angka)	Pilih item untuk dimainkan.
◄◄ /▶▶	Cari ke hadapan cepat atau ke belakang cepat. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
▤	Akses mod main ulang atau kocok.

Mainkan muzik MP3/WMA

MP3/WMA adalah sejenis fail audio termampat (fail dengan sambungan .mp3 dan .wma).

1 Masukkan cakera atau peranti USB yang mengandungi muzik MP3/WMA.
2 Tekan ♠, pilih **[mainkan cakera]** atau **[Semak Imbas USB]**, kemudian tekan **OK**.
   » Menu kandungan dipaparkan.
3 Pilih folder muzik, kemudian tekan **OK**.
4 Pilih fail untuk dimainkan, kemudian tekan **OK**.
   - Untuk kembali ke menu utama, tekan ↺.

📋 Catatan

- Bagi CD yang dirakam dalam berbilang sesi, hanya sesi pertama dimainkan.
- Untuk fail WMA yang dilindungi oleh Pengurusan Hak Digital (DRM), ia tidak boleh dimainkan pada pemain ini.
- Pemain ini tidak menyokong format audio MP3PRO.
- Jika sebarang aksara khas terdapat di dalam nama trek MP3 (ID3) atau nama album, ia mungkin tidak dipaparkan dengan betul pada skrin kerana aksara ini tidak disokong.
- Folder/fail yang melebihi had yang disokong oleh pemain ini tidak boleh dipapar atau dimainkan.

Semak imbas PC

Dengan rangkaian rumah, anda dapat memainkan video /muzik /foto yang distrimkan daripada pelayan media DLNA (seperti PC) kepada TV anda melalui pemain diperakui DLNA ini.

📋 Catatan

- Untuk menyemak imbas PC, pastikan bahawa perisian pelayan media DLNA (seperti Windows Media Player 11) dipasang pada PC.

1 Sediakan rangkaian rumah (lihat "Bermula" > "Sediakan rangkaian").
   - Pastikan bahawa anda telah menyelesaikan pemasangan rangkaian.
2 Pada PC anda, dalam perisian pelayan media DLNA, anda hendaklah menetapkan:
   ① Kongsi media saya dengan pemain ini (lihat maklumat "Bantuan" dalam perisian pelayan media).
   ② Kongsi fail atau tambah fail kepada pustaka (lihat maklumat "Bantuan" dalam perisian pelayan media).
3 Tekan ♠ untuk memaparkan menu laman utama.
4 Pilih **[Layari PC]**, kemudian tekan **OK**.
   » Pemain ini secara automatik mengimbas, dan memaparkan senarai bagi peranti rangkaian yang tersedia.
5 Pilih pelayan media DLNA anda (iaitu PC anda) daripada senarai, dan tekan **OK**.
6 Pilih fail media daripada pelayan media DLNA (iaitu PC anda).
7 Tekan **OK** untuk memulakan mainan.
   - Anda boleh mengawal mainan dengan ciri mainan (lihat "Mainkan video", "Mainkan foto", "Mainkan muzik" untuk butiran).

Semak Imbas Net TV

Sambung pemain ini kepada Internet untuk mengakses perkhidmatan Net TV dalam talian, seperti filem, gambar, maklumat hibur muzik. Anda dapat menikmati Net TV pada TV anda yang bersambung dengan pemain ini.

- Oleh kerana Net TV adalah sistem dalam talian, ia boleh diubah suai sepanjang masa untuk memenuhi fungsinya dengan lebih baik.
- Beberapa perkhidmatan Net TV dapat ditambah, diubah atau dihentikan selepas tempoh masa tertentu.
- Pada Net TV, anda tidak boleh memuat turun dan menyimpan fail, mahupun memasang pasang masuk.

1 Sediakan rangkaian (lihat "Bermula" > "Sediakan rangkaian").
   - Pastikan bahawa anda telah menyelesaikan pemasangan rangkaian.
2 Tekan ♠ untuk memaparkan menu laman utama.
3 Pilih **[Layari Net TV]**, kemudian tekan **OK**.
   » Pemain ini akan mula menyambung kepada Net TV dan membuka halaman permulaan.
   » **Bagi penggunaan kali pertama**, ikuti arahan pada skrin untuk menyelesaikan pendaftaran, kemudian hidupkan kawalan ibu bapa untuk mengunci/membuka kunci perkhidmatan yang ditawarkan pada halaman Net TV.
4 Selepas halaman permulaan dibuka, gunakan unit kawalan jauh untuk menyemak imbas Net TV.

Butang	Tindakan
◄ / ► / ▲ / ▼	Pilih perkhidmatan, atau item pada halaman Internet.
OK	Sahkan pemilihan.
↺	Kembali ke halaman sebelumnya, atau padam teks input.
⊟	Akses tindakan yang berkaitan dengan aktiviti semasa.
[keypad 1–0]	Masukkan angka/huruf (seperti alamat e-mel dan kod untuk mengunci/membuka kunci).

Halaman permulaan Net TV
Tunjukkan perkhidmatan kegemaran anda dan beberapa perkhidmatan yang disyorkan.

Halaman Semak imbas semua
Anda dapat melihat semua perkhidmatan Net TV mengikut kategori. Perkhidmatan kegemaran ditandakan sebagai ikon bintang.

Semak imbas negara lain
Pada halaman Semak imbas semua, anda boleh menukar negara Net TV. Negara lain mungkin mempunyai perkhidmatan berlainan.

Tandakan kegemaran
Anda boleh menandakan sehingga 12 perkhidmatan. Hanya perkhidmatan Net TV yang dapat ditandakan sebagai kegemaran. Laman web iklan dan Internet terbuka tidak dapat ditandai.
1) Pilih ikon bagi perkhidmatan.
2) Tekan ⊟ untuk memilih Tandakan kegemaran, kemudian tekan **OK**.
Untuk membuang tanda kegemaran, tekan ⊟ untuk memilih tindakan nyahtanda kemudian tekan **OK**.

Laman web Internet terbuka
Dengan Net TV anda dapat menyambung kepada Internet terbuka. Anda boleh melayari mana-mana laman web. Jangan lupa bahawa kebanyakan laman web tidak disesuaikan untuk dilihat pada skrin TV.
1) Pada halaman Semak imbas semua, pilih Semak imbas Internet, kemudian tekan **OK**.
2) Pada papan kekunci atas skrin, pilih aksara lalu tekan **OK**. Ulangi Langkah 2 untuk memasukkan alamat web.
Untuk memadam teks input, tekan ↺ **BACK**.
Untuk menavigasi ke pautan yang tersedia pada halaman internet terbuka, tekan ▲ / ▼ / ◄ / ► pada alat kawalan jauh, dan tekan **OK** untuk membuka pautan.

- Koninklijke Philips Electronics N.V. tidak menanggung sebarang tanggungjawab terhadap kualiti kandungan yang dibekalkan oleh pembekal perkhidmatan kandungan.

Kawalan ibu bapa

Anda boleh mengunci perkhidmatan Net TV dan kategori perkhidmatan. Apabila perkhidmatan berkunci, anda perlu memasukkan kod untuk membuka perkhidmatan atau kategori tersebut.

1) Hidupkan Kawalan ibu bapa:

a. Pada halaman permulaan Net TV, tekan ▤, pilih Dayakan kawalan ibu bapa lalu tekan **OK**.

b. Menggunakan pad kekunci pada alat kawalan jauh, masukkan kod 4 digit sebagai kod mengunci/membuka kunci.

c. Masukkan kod yang sama untuk mengesahkan.

2) Pada halaman permulaan Net TV atau halaman Semak imbas semua, pilih perkhidmatan atau kategori.

3) Tekan ▤, pilih Kunci perkhidmatan, kemudian tekan **OK**.

Simbol kunci muncul pada bahagian atas ikon perkhidmatan.

Untuk membuka kunci perkhidmatan atau kategori, pilih perkhidmatan kemudian tekan OPTIONS lalu pilih Buka kunci.

Catatan

- Hanya perkhidmatan pada halaman Net TV sahaja yang boleh dikunci. Laman web iklan dan Internet terbuka tidak dapat dikunci.
- Perkhidmatan dikunci mengikut negara. Kategori dikunci bagi semua negara.
- Apabila anda telah mendaftar untuk Net TV dan anda mematikan kawalan ibu bapa dalam menu Opsyen, semua kunci akan diingati dan tersedia semula apabila anda menghidupkan semula Kawalan ibu bapa.

Kosongkan sejarah

Kosongkan kod Kawalan ibu bapa, kata laluan, kuki dan sejarah.

1) Tekan ♠ untuk memaparkan menu laman utama.

2) Pilih **[Persediaan]** > **[Rangkaian]** > **[Kosongkan Memori Net TV]**.

Catatan

- Jika anda mengosongkan ingatan Net TV dengan mengosongkan sejarah, anda perlu membuat semula pendaftaran penggunaan pertama apabila anda menyambung kepada Net TV sekali lagi. Jika anda telah pun mendaftar sebelumnya, anda dapat mengembalikan perkhidmatan kegemaran anda dan kunci anda yang dahulu.

---

6 Laraskan tetapan

Catatan

- Jika pilihan persediaan dikelabukan, ia bermaksud tetapan tidak boleh ditukar pada keadaan semasa.

Persediaan video

1 Tekan ♠.

